

TEKS UCAPAN
KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN, NAIB
CANSELOR UniMAP, PADA PERTANDINGAN ROBOT
UniMAP 2007 PADA 5 MEI 2007
DI DEWAN SERBAGUNA KAMPUS KUBANG GAJAH, ARAU,
PERLIS

Bismillahirrahmannirahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan
Selamat Sejahtera

Y.Bhg Profesor Dr.Ali Yeon Md Shakaff
Timbalan Naib Canselor Akademik Dan Antarabangsa UniMAP

Y.Bhg Profesor Madya Dr.Zul Azhar Zahid Jamal
Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UniMAP

Pegawai-pegawai Utama UniMAP, Ketua-ketua jabatan, Dekan-
Dekan, warga UniMAP dan para pelajar yang dikasihi
sekalian.

Syukur ke hadarat Allah S.W.T kerana dengan izin dan
limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama pada hari yang
bersejarah buat kita semua di UniMAP ini. Pertandingan
Robot UniMAP 2007 ini pasti akan terpahat dalam memori
dunia pendidikan tanahair.

Walaupun masih baru dalam dunia pendidikan tinggi di
negara ini kejayaan menganjurkan satu acara yang berprestij
sebegini amat dibanggakan. Bahkan pada tahun ini adalah

merupakan kali kedua kita menganjurkan pertandingan robot di peringkat UniMAP yang mana telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari kalangan warga UniMAP khususnya para pelajar yang menghantar penyertaan menerusi PPK masing-masing. Kita faham walaupun pertandingan kali ini diadakan pada masa musim peperiksaan semester yang mana pelajar dan staf UniMAP mempunyai komitmen terhadap peperiksaan, kita berasa amat bangga kerana pertandingan ini dapat juga dijayakan dan mendapat penyertaan amat menggalakkan. Ini menunjukkan warga UniMAP bijak membahagikan masa dan komited terhadap apa jua tugas yang dijalankan. Syabas saya ucapkan.

Pada tahun lepas sebanyak 6 pasukan telah bertanding di peringkat UniMAP manakala pada kali ini kita telah menerima penyertaan sebanyak 7 pasukan. Pertandingan yang diadakan kali ini akan memilih 3 pasukan terbaik untuk mewakili UniMAP ke Pertandingan ROBOCON 2007 Peringkat kebangsaan yang bakal diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia pada 25 – 29 Mei 2007 nanti.

Saudara-saudari sekalian,

Bidang robotik adalah satu bidang yang wujud disebabkan oleh keinginan manusia untuk memudahkan pelaksanaan kerja (automate). Menjadikan sesuatu objek bekerja sendiri

tanpa memerlukan pengawasan manusia bukanlah perkara yang mudah. Ianya merupakan suatu bidang sains yang aplikasi teknologinya banyak membantu manusia dalam memudahkan kehidupan seharian. Tanpa teknologi robotik, banyak perkara yang kita lakukan pada hari ini adalah mustahil. Sebagai contoh, dari segi teknologi pemasangan kereta, komponen elektrik elektronik dan lain-lain. Kadar pengeluaran tinggi, hasil yang lebih berkualiti dan pada kos yang lebih murah yang memenuhi permintaan pasaran pada hari ini adalah disebabkan oleh penggunaan teknologi robotik.

Bagaimanapun, teknologi robotik di negara kita masih lagi di peringkat awal dan memerlukan penerokaan dan penyelidikan yang lebih meluas supaya aplikasinya dapat dinikmati oleh segenap lapisan rakyat di negara kita. Dan teknologi yang tinggi tanpa pengetahuan yang mencukupi untuk mengendalikannya adalah tidak bermakna. Berdasarkan peri pentingnya teknologi ini, maka kerajaan Malaysia menerusi Rancangan Malaysia Ke-9 telah memperuntukkan sejumlah besar dana bukan sahaja dalam sektor perkilangan bahkan sektor latihan dan penyelidikan & pembangunan (R&D) dengan tujuan mempertingkatkan daya saing bagi modal insan. Jadi, saya merasakan pertandingan seperti ini amat bertepatan dengan hasrat kerajaan untuk memberi pendedahan kepada pelajar dan staf UniMAP berkenaan teknologi robotik.

Saudara-saudari sekalian,

Pertandingan Robocon yang telah pertama kali diadakan pada tahun 2002 di Tokyo, Jepun telah dianjurkan oleh Asia Pacific Broadcasters Union (ABU) yang mempunyai keahlian lebih 100 badan penyiaran daripada sekitar 50 negara di seluruh dunia. Di Malaysia, acara ini didokong oleh SIRIM dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia serta sektor swasta yang berkaitan dan telah menjadi satu acara tahunan di mana telah mendapat penyertaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi, kolej dan politeknik. Di bawah satu peraturan piawai yang telah ditetapkan, peserta akan bertanding dengan lawan mereka untuk merekacipta robot dengan menggunakan kreativiti dan teknologi yang ada dalam satu pertandingan terbuka.

Peraturan pertandingan Robocon pada setiap tahun berbeza mengikut tema negara yang menganjurkan pertandingan tersebut di peringkat antarabangsa. Jika tahun lepas pertandingan yang diadakan di Kuala Lumpur bertemakan pembinaan Menara Berkembar PETRONAS yang menjadi simbol kebanggaan negara kita, pertandingan Robocon 2007 pada tahun ini akan diadakan di Vietnam. Gelanggang dan peraturan pertandingan pada kali ini direka khusus berdasarkan tema Penemuan Ha Long Bay, suatu destinasi menarik yang mempunyai kisah legenda di kalangan rakyat

Vietnam. Berdasarkan peraturan pertandingan tersebut, sekumpulan robot (melambangkan naga) akan membawa blok berbentuk silinder (melambangkan mutiara) untuk membina pelbagai pulau yang melambangkan simbol Ha Long dan Bai Tu Long. Pasukan pertama yang berjaya membentuk Victory Islands (dalam bentuk huruf V di tengah-tengah gelanggang pertandingan) akan menjadi pemenang dalam pertandingan ini. Tempoh pertandingan adalah selama 3 minit sahaja.

Saudara-saudari sekalian,

Kita telah mempunyai tradisi gemilang dalam pertandingan robot yang telah kita sertai sejak tahun 2004 yang mana kita berjaya mencatatkan peningkatan demi peningkatan di peringkat kebangsaan. Jadi pada tahun ini kita berharap akan dapat memperbaiki pencapaian kita di peringkat kebangsaan dan dapat mewakili negara di peringkat antarabangsa seterusnya dapat menaikkan nama UniMAP di peringkat antarabangsa.

Saya amat berbangga kerana pertandingan seperti ini pasti akan dapat menyuntik semangat warga UniMAP untuk terus bersama-sama mengemudi tenaga dan upaya membangunkan UniMAP sebagai sebuah universiti.

Untuk itu saya ingin merakamkan jutaan terima kasih, syabas dan tahniah kepada Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik kerana usaha gigih dan kejayaan mereka menganjurkan acara yang berprestij ini. Kejayaan ini menjadi kebanggaan seluruh warga kerja universiti. Ucapan tahniah diucapkan kepada pasukan yang menang, dan yang tidak bernasib baik, tidak bermakna anda gagal. Tingkatkan usaha demi mencapai kejayaan.

Dengan lafaz bismillah saya merasmikan Pertandingan Robot UniMAP 2007 ini. Sekian, terima kasih.